


Anwar tiada peluang jadi PM — Dr. Mahathir

MM: 8/7/2007

KUALA LUMPUR 7 Julai — Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak percaya Datuk Seri Anwar Ibrahim boleh kembali berpengaruh dalam politik Malaysia dan menjadi perdana menteri.

Ketika ditemubual *British Broadcasting Corporation (BBC)* hari ini, Dr Mahathir berkata beliau tidak nampak sebarang harapan bagi bekas timbalan perdana menteri mencapai apa yang dicita-citakannya — untuk menjadi perdana menteri.

“Saya tidak fikir beliau mempunyai sebarang harapan mencapai apa yang beliau cita-citakan... tentunya beliau mahu menjadi perdana menteri. Beliau tidak akan mendapat tempat itu,” kata Dr Mahathir semasa ditanya bagaimana beliau melihat peluang Anwar untuk kembali semua dalam politik.



DR. MAHATHIR

Ditanya kenapa Anwar, kini penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) tidak akan berpeluang menjadi perdana menteri, Dr. Mahathir berkata Anwar sedang kehilangan pengikutnya dengan begitu cepat sekali.

“Kita boleh memberitahu orang mengenai sesuatu dan orang akan mempercayainya buat seketika... tetapi kemudian mereka akhirnya akan mengetahui sama ada kita bercakap benar atau kita berbohong kepada mereka,” kata Dr. Mahathir.

Anwar dipecat oleh Dr. Mahathir daripada jawatan Kabinet dan parti UMNO pada September 1998 kerana dakwaan salahlaku seksual dan rasuah.

Anwar menjalani hukuman penjara enam tahun selepas disabitkan kesalahan kerana rasuah. Beliau dibebaskan daripada penjara pada 2004 selepas Mahkamah Persekutuan menolak pensabitan tuduhan liwat terhadapnya.

Di bawah undang-undang Malaysia, Anwar dihalang daripada kembali aktif dalam politik sehingga 14 April 2008.

Rabu lepas, Dr. Mahathir berjaya dalam cubaannya untuk membatalkan saman malu yang difailkan Anwar terhadap beliau kerana menuduh Anwar sebagai seorang homoseksual pada satu persidangan anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suha-kam) selepas Mahkamah Tinggi di sini membenarkan permohonan Dr Mahathir.

Keesokannya, Anwar memfailkan notis rayuan.

— Bernama